

29 JUN 1996

LEAD Megat-Bakun

KERAJAAN SEDANG MENIMBANG AMBIL TINDAKAN TERHADAP NGO

KAMPUNG GAJAH, 29 Jun (Bernama) -- Kerajaan sedang menimbang untuk mengambil tindakan terhadap badan-badan bukan kerajaan (NGO) yang cuba menggagalkan pelaksanaan projek-projek pembangunan negara seperti projek hidroelektrik Bakun, kata Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Megat Junid Megat Ayob, hari ini.

Katanya, kerajaan sedang memerhati tindak-tanduk mereka yang terbabit dan akan bertindak setelah mempunyai bukti yang cukup.

Tindakan perlu diambil memandangkan NGO, terutama dari luar, sering mengambil kesempatan untuk membuat tuduhan yang bukan-bukan terhadap projek pembangunan negara supaya rakyat memandang negatif, katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung Koperasi Peserta Felcra Kampung Kandang di Seberang Perak dekat sini.

Beliau berkata tindakan tiga penghuni rumah panjang di Sarawak menyaman kerajaan dan juga Syarikat Ekran Berhad dipercayai dipengaruhi oleh NGO yang melihat projek itu sebagai sesuatu yang negatif memandangkan mereka sebelum ini tidak berminat dalam isu alam sekitar.

Sebenarnya projek hidroelektrik Bakun adalah suatu projek yang akan menghasilkan pelbagai peluang ekonomi kepada penduduk negara ini terutamanya penduduk Bakun dan menjadikan negara ini lebih kompetitif di pasaran antarabangsa, katanya.

Beliau berkata kedudukan Malaysia yang lebih kompetitif dan setara dengan negara maju lain adalah tidak disenangi oleh NGO asing.

Megat Junid juga membidas sikap NGO yang hanya suka melihat setiap projek pembangunan negara dari kacamata negatif daripada gambaran yang tepat.

Beliau menganggap penentangan NGO terhadap projek hidroelektrik Bakun semata-mata mahu mensabotaj pembangunan sumber dan ekonomi rakyat dan negara ini.

"Isu ini dimainkan kerana NGO asing di negara ini tidak mahu melihat Malaysia membangun daripada sebuah negara sedang membangun menjadi negara maju," katanya.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dua hari lepas yang membidas NGO tempatan yang terpengaruh dengan NGO asing untuk menggagalkan projek pembangunan negara melalui projek Bakun yang bernilai RM13,600 juta itu. -- BERNAMA

KY OBA